

SIAPAKAH WWF-MALAYSIA?

WWF-Malaysia (Tabung Alam Sedunia) ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1972. WWF-Malaysia kini mengendalikan lebih daripada 90 projek yang merangkumi pelbagai kerja pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar; menyelamatkan spesies terancam seperti harimau dan penyu dan juga melindungi hutan tanah tinggi, sungai dan laut. Organisasi ini juga menjalankan kerja advokasi dan pendidikan alam sekitar bagi mencapai matlamat pemuliharaannya. Misi WWF-Malaysia ialah untuk menghentikan kemusnahan alam semulajadi bumi dan membina masa hadapan dimana manusia hidup dalam keadaan harmoni bersama alam semulajadi dengan memulihara kepelbagaian biologi negara ini, memastikan penggunaan sumber semulajadi yang boleh diperbaharui adalah lestari, dan menggalakkan pengurangan pencemaran dan pembaziran.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.wwf.org.my

Photo © WWF / Jurgen Freund



HUBUNGI KAMI

Untuk keterangan
lanjut berkenaan Projek
Penambahbaikan Perikanan, sila
hubung:

Raymie Bin Nurhasan

Pegawai Kanan Perikanan WWF

Program Marin (Kudat)
WWF-Malaysia
Tel: +(6)088-612 339
Email: rnurhasan@wwf.org.my

Mohd Fadzliee Asmat

Pegawai Perikanan WWF

Program Marin (Petaling Jaya)
WWF-Malaysia
Tel: +(6)03-7450 3773
Email: mfadzliee@wwf.org.my



PROJEK PENAMBAHBAIKAN PERIKANAN

Industri perikanan di peringkat global kini menghadapi tekanan dan kemerosotan. Di Malaysia, stok perikanan telah merosot lebih daripada 90% sejak 1970-an. Ini terjadi akibat amalan perikanan yang tidak lestari. Permintaan terhadap makanan laut juga meningkat. Tambahan pula, rakyat Malaysia merupakan konsumen makanan laut yang terbesar dengan purata 54 kg seorang setiap tahun.

Matlamat WWF-Malaysia adalah untuk menambahbaik status perikanan dan memastikan jaminan sekuriti makanan dengan memperkenalkan Projek Penambahbaikan Perikanan atau FIP. Ini merupakan satu pendekatan yang pragmatik dan bijak untuk meningkatkan kelestarian perikanan dan pada masa yang sama memastikan tuaian dan bekalan makanan laut yang berterusan.

Projek Penambahbaikan Perikanan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam perikanan termasuk nelayan tradisional, industri perikanan, sektor swasta, pengurus perikanan, penyelidik, dan organisasi bukan kerajaan untuk bekerjasama dalam menambahbaik amalan perikanan melalui pengurusan sumber marin yang lestari.

KRITERIA PERIKANAN DIBAWAH PROJEK PENAMBAHBAIKAN PERIKANAN

Projek Penambahbaikan Perikanan bertujuan untuk menggalakkan perikanan lestari dan mengurangkan impak kepada persekitaran. Antara kriteria perikanan di bawah Projek Penambahbaikan Perikanan ialah:

- **Menambahbaik stok perikanan:** Menambahbaik stok perikanan iaitu hasil yang lebih baik dan stok perikanan yang lebih terjamin untuk masa hadapan, ia juga disokong oleh data stok yang terkini dan amalan perikanan yang lestari.
- **Pengurusan Perikanan yang Terbaik:** Perikanan diurus secara holistik yang melibatkan kesemua pihak berkepentingan dalam industri dan mengadaptasi pendekatan ekosistem.
- **Laut dan Ekosistem Persekitaran yang Lebih Sihat:** Kesihatan ekosistem diberi keutamaan didalam Projek Penambahbaikan Perikanan. Aktiviti perikanan yang lestari, amalan perikanan yang tidak memusnahkan, dikawal dan diselia akan memastikan kesihatan ekosistem laut tidak terancam oleh aktiviti perikanan.

Photo © WWF / Jurgen Freund

PROSES PROJEK PENAMBAHBAIKAN PERIKANAN

Grafik di bawah menunjukkan aliran proses dalam Projek Penambahbaikan Perikanan.

SKOP FIP

- Pemetaan dan penglibatan pihak berkepentingan
- Menjalankan pra-penilaian dan penghasilan dokumen skop FIP

PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN FIP

Dokumen Peninjauan dan Pelan Kerja dalam Satu Jangka Masa Memerlukan:

- Definisi Improved Performance Goals (IPGs)
- Struktur penyampaian projek
- Metrik dan Indikator Kunci Prestasi
- Bajet berkaitan:
 - » Kos Proses
 - » Kos Pelaksanaan
- Agensi yang bertanggungjawab

PERMULAAN DAN PENYELIAAN PERKEMBANGAN

- Permulaan
- Ulasan Tahunan
- Penyeliaan dan Laporan Perkembangan
- Tinjauan Perkembangan

FAKTOR KEJAYAAN FIP

Untuk menjayakan satu projek FIP, memerlukan faktor-faktor berikut:

- **Semua pihak berkepentingan memberi komitmen sepenuhnya untuk bergerak ke hadapan**
Sokongan dan penglibatan penuh setiap pihak berkepentingan amat penting di dalam satu proses FIP.
- **Pengurusan Jangkaan**
Setiap pihak berkepentingan harus mempunyai pemahaman dan persetujuan tentang harapan dan jangka masa projek ini.
- **Koordinator FIP**
Seorang koordinator FIP tempatan amat diperlukan untuk memantau dan mengurus dengan lebih efektif penglibatan dan aktiviti yang melibatkan semua pihak berkepentingan.
- **Nasihat Teknikal dan Kepakaran**
Seorang konsultan yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran di dalam FIP amat diperlukan di dalam perancangan, penyediaan dan pemantauan proses FIP.
- **Sumber dan Dana**
Sumber dan dana yang sihat adalah salah satu kunci kepada kejayaan pembangunan dan perlaksanaan sebuah projek FIP.
- **Pemantauan dan Penilaian**
Sebuah projek FIP perlu sentiasa dipantau dan dinilai agar semua objektif serta aktiviti yang telah dirancang itu dapat dicapai.

APAKAH KEBAIKAN PROJEK PENAMBAHBAIKAN PERIKANAN?

- **Mengurangkan kos dan meningkatkan keuntungan**
Projek Penambahbaikan Perikanan menggalakkan kaedah dan pendekatan yang lestari dalam pengurusan perikanan. Kajian menunjukkan kos operasi boleh dikurangkan hampir 50% dengan mempraktikkan cara yang hijau dan mampan
- **Memenuhi permintaan pengguna**
Permintaan tinggi pengguna terhadap makanan laut yang diurus dengan mampan. FIP memastikan makanan laut yang dihasilkan memenuhi kriteria yang ditetapkan.
- **Menjadi peneraju utama dalam industri makanan laut lestari.**
Projek Penambahbaikan Perikanan akan meningkatkan keyakinan pembeli dan pengguna makanan laut bahawa

produk tersebut adalah hasil daripada sumber yang lestari dan diurus dengan baik.

- **Pengiktirafan daripada organisasi pemuliharaan global.**
WWF-Malaysia akan mengiktiraf dan membantu untuk mempromosikan rakan kongsi dalam FIP yang merupakan permulaan dalam perjalanan menuju ke arah penghasilan makanan laut yang bertanggungjawab melalui seminar, program, majalah dan media sosial.

KAJIAN KES

Pensijilan perikanan nelayan skala kecil di Vietnam

Perikanan kerang Ben Tre yang menyertai FIP merupakan perikanan pertama di Asia Tenggara dan juga perikanan kerang pertama yang menerima pensijilan lestari iaitu Marine Stewardship Council.

Ben Tre terletak di hujung Sungai Mekong yang meliputi empat muara yang mengalir ke Laut China Selatan. Biodiversiti di kawasan tersebut membantu menyokong komuniti pesisir pantai beratus tahun.

Sekitar seribu nelayan yang merupakan sebahagian daripada kerjasama perikanan Ben Tre mengumpul kerang dengan menggunakan tangan, kebiasaannya dengan bantuan pencakar semasa air surut. Tangkapan tahunan dianggarkan kira-kira 9,000 tan metrik. Pasaran utama bagi kerang Ben Tre adalah domestik, namun pengeksportan kerang ke Kesatuan Eropah, Jepun, Cina, Taiwan dan Amerika Syarikat semakin meningkat. Rakan kongsi yang terlibat dalam projek ini adalah WWF, Jabatan Perikanan Jawatankuasa Penduduk Ben Tre, Jabatan Pertanian Ben Tre dan Pembangunan Kampung dan juga Kerjasama Kerang Ben Tre.

WWF memainkan peranan yang penting dalam kejayaan perikanan ini kearah perikanan lestari. WWF juga memastikan semua kriteria dan piawaian untuk kelestarian dapat dicapai. Kejayaan perikanan Ben Tre dalam mencapai piawaian lestari telah menarik minat ramai pembeli terutama dari Eropah dan Amerika Syarikat.

Photo © WWF / Jurgen Freund